



TEKS UCAPAN

**YBHG.EN.NASARUDIN BIN MALEK
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN) RISDA**

MEWAKILI

**YBHG.DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN WAN MOHAMAD
KETUA PENGARAH RISDA**

SEMPENA

MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL.7 TAHUN 2017

**TEMPAT : AUDITORIUM SULTAN AHMAD
SHAH, IBU PEJABAT RISDA**

TARIKH : 21 SEPTEMBER 2017 (KHAMIS)

MASA : 8.30 Pagi

Salutasi

- 1. Ybrs.Pengerusi Majlis**
- 2. YBhg.En.Abdullah bin Zainal**
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan dan Korporat) RISDA
- 3. Ybhg.Tn.Hj.Meor Zamnis bin Meor Hassan**
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn.Bhd.
- 4. Ybrs.En.Misbah bin Sanjan**
Pengarah Bahagian Khidmat Kejuruteraan
merangkap Hos Perhimpunan Bulanan RISDA Bil.7 Tahun 2017
- 5. Pengarah-Pengarah Bahagian, Ketua-Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Milikan RISDA**
- 6. Serta Tuan-Tuan dan Puan-Puan Warga RISDA yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum W.B.T., Salam Sejahtera, Salam Kasih Sayang dan Salam Sehati Sejiwa

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama mengucapkan rasa syukur kehadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini bagi menjayakan Majlis Perhimpunan Bulanan RISDA Bil. 7/2017. Ribuan terima kasih dan tahniah diucapkan kepada Bahagian Khidmat Kejuruteraan (BKJ) kerana berjaya mengatur dan mengadakan majlis pada hari ini. Suka untuk saya sampaikan salam kasih sayang daripada Ybhg. Dato' Wan Ahmad Shabri Zainuddin bin Wan Mohamad, Ketua Pengarah RISDA kerana tidak dapat bersama – sama dalam majlis ini kerana menghadiri program yang lain.

Hadirin sekalian,

2. BKJ telah diamanahkan dengan tugasan sebagai penyedia khidmat kejuruteraan yang berkualiti kepada RISDA sejajar dengan hasrat Pengurusan RISDA untuk menyediakan fasiliti yang selesa dan effisen kepada warganya dan pekebun kecil serta dalam masa yang sama memastikan perbelanjaan

yang diperuntukan dioptimumkan dengan sebaiknya. Saya percaya, BKJ telah menekankan sikap komited dengan melaksanakan khidmat kejuruteraan, menguruskan pembinaan dan penyenggaraan bangunan termasuk khidmat pembersihan serta teknikal prasarana di Pejabat RISDA seluruh Negara dengan cemerlang.

3. Antara projek pembinaan yang telah diselia oleh BKJ dan berjaya disiapkan setakat ini adalah Bangunan Pentadbiran Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) Bukit Sireh, Kelantan yang bernilai RM 2.3 juta. Projek pembinaan tersebut sedikit sebanyak telah menyumbang kepada peningkatan keperluan fasiliti latihan kepada Pekebun Kecil secara khususnya. Selain itu pembinaan Pejabat RISDA Daerah (PRD) Raub, PRD Segamat, PRS Bertam dan PRS Pelangai yang telah dibina dengan nilai RM 10 juta kesemuanya adalah untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kepada Pekebun Kecil secara lebih kondusif dan teratur.

4. Manakala projek yang masih dalam pembinaan di bawah penyeliaan BKJ adalah pembinaan Pejabat RISDA Negeri (PRN) Terengganu, PRN Sarawak dan PRD Pontian, Johor yang mana kesemuanya bernilai RM 16 juta. Penyeliaan projek juga termasuklah pembinaan Menara RISDA yang baharu dimana projek berkenaan dijangkakan siap pada April 2018 yang akan menjadi mercu tanda kepada seluruh warga RISDA. Projek- projek pembinaan tersebut melambangkan kepekaan tadbir urus Pihak Pengurusan RISDA dan juga kemahiran penyeliaan teknikal kejuruteraan RISDA yang setaraf dengan agensi – agensi yang lain dalam melaksanakan pembinaan bangunan.

5. Bagi membangun dan membentuk generasi kedua Pekebun Kecil yang lebih berpendidikan dan berdaya saing, beberapa rancangan pembangunan untuk Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) telah pun dilaksanakan termasuklah Bangunan Pentadbiran, Bangunan Fakulti Pertanian dan Dewan Kuliah yang mana kesemuanya berjumlah RM 16.2 juta sebagai langkah meningkatkan fasiliti

pelajar – pelajar UCAM untuk keselesaan dalam proses pembelajaran.

6. Selain daripada itu, projek – projek pembinaan yang masih dalam peringkat perancangan adalah seperti pembinaan Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK) Keusahawanan Zon Selatan dan juga pembinaan menyeluruh IKPK Perak yang dianggarkan bernilai RM 80 juta kesemuanya adalah bertujuan untuk memperkasakan lagi institusi latihan RISDA dalam melahirkan warga RISDA dan Pekebun Kecil yang berdaya saing, berkemahiran dan lebih produktif dalam menjayakan misi dan visi RISDA di masa hadapan.
7. Sementara itu, di Ibu Pejabat pula bagi keselesaan seluruh warga kerja RISDA dan stakeholder, BKJ sedang melaksanakan kerja-kerja seperti menaiktaraf sistem hawa dingin untuk setiap tingkat bangunan, membaikpulih “Fresh Fan” dan “Smoke Fan” di tempat parking kereta dan juga kerja - kerja kejuruteraan am serta berusaha mendapatkan sijil keselamatan oleh pihak Bomba.

8. Kerja – kerja kejuruteraan am yang dilaksanakan adalah untuk menyediakan ruang kerja yang kondusif dan selesa kepada seluruh warga RISDA supaya perkhidmatan RISDA kepada masyarakat lebih efektif dan effisien. Dalam menuju ke arah penjimatan budget penyelenggaraan juga, saya berharap tuan-tuan dan puan-puan dapat bersama mengamalkan penggunaan fasiliti secara berhemah agar kos penyelenggaraan peralatan – peralatan dapat diminimumkan.
9. Selain itu, BKJ juga bertanggungjawab memastikan projek – projek touch point KKLW iaitu pelaksanaan prasarana asas pertanian (PAP) dilaksanakan dengan jayanya. Saya difahamkan setakat ini, BKJ telah menyelia dan melaksanakan pembinaan kemudahan Jalan Pertanian sepanjang 707.07 km, termasuklah 891 unit pembentung, 11 unit jambatan dan 199.55 km parit sejajar dengan keperluan Bahagian Tanam Semula dan Perladangan (BTSP) dalam menjalankan aktiviti di ladang secara berkesan.

10. Akhir kata saya berharap dengan peruntukan yang banyak untuk penyelenggaraan dan pembinaan samada baik pulih atau bina baru akan menyuntik semangat bekerja dengan lebih produktif kepada kita semua. Tahniah dan syabas kepada warga BKJ atas kejayaan penganjuran perhimpunan kali ini. Semoga kita semua warga RISDA dikurniakan kejayaan demi kejayaan demi kelestarian RISDA di masa hadapan.

Sekian,

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terima Kasih.